

27 JUL 2000

Mahathir-Sejarah /I

PELAJARI SEJARAH UNTUK ELAK ULANGI KESILAPAN, KATA PM

KOTA KINABALU, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan pentingnya mempelajari sejarah untuk mengelakkan daripada mengulangi kesilapan yang dilakukan pada masa lepas.

Beliau berkata sejarah bukan sahaja perlu dipelajari oleh pelajar sekolah dengan mengingati tarikh dan peristiwa sebelum menempuhi ujian tetapi juga perlu untuk golongan dewasa terutama mereka yang diberi amanah untuk mencorakkan dasar-dasar negara.

"Jika mereka boleh secara berterusan mempelajari sejarah dan mendapatkan iktibar daripadanya, maka kemungkinan untuk mereka mengulangi kesilapan yang lepas adalah lebih kecil," kata beliau ketika membuka Persidangan Persatuan Antarabangsa Sejarawan Mengenai Asia (IAHA) kali ke-16 di sini.

Dr Mahathir berkata dunia dan komuniti negara akan ditadbir dengan cara yang lebih baik jika pihak-pihak berkenaan mengambil iktibar daripada sejarah.

Beliau menggesa sejarawan dan cendekiawan supaya bersikap jujur terhadap diri sendiri dan terhadap fakta sejarah.

"Tuan-tuan mempunyai tanggungjawab yang lebih besar daripada semua pihak lain, untuk menunjukkan dan menerangkan sesuatu pengajaran yang diperolehi daripada sejarah," kata Dr Mahathir.

Dalam hal Malaysia, Perdana Menteri berkata pihak penjajah British sering menegaskan bahawa Malaya adalah negara yang tidak mempunyai sejarah.

Bagaimanapun, kata beliau, rakyat negara ini cukup mengingati akan masa lepas mereka dan perjuangan untuk mempertahankan tanah air mereka.

Berlainan halnya dengan kebanyakan negara, yang menonjolkan perjuangan mereka untuk menyuburkan semangat cintakan negara, rakyat Malaysia umumnya bersikap pemalu walaupun untuk mengakui pengorbanan dan sumbangan sebenar para pengasas negara, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata pencapaian yang bersejarah bagi negara ini ialah dalam menangani hubungan antara kaum untuk mengelakkan sentimen perkauman daripada menjadi unsur yang merosakkan keamanan dan keharmonian masyarakat pelbagai bangsa di negara ini.

"Selepas peristiwa perbalahan kaum pada 1969, kerajaan Barisan Nasional telah berusaha sedaya-upaya untuk menghapuskan bibit-bibit yang boleh membawa kepada sikap permusuhan dan kecurigaan antara kaum," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata melalui tindakan dalam bidang politik dan ekonomi yang dilakukan oleh kerajaan, jurang perbezaan antara kaum telah dapat dikurangkan.

"Hasilnya Malaysia kini menjadi negara pelbagai kaum yang bebas daripada pertelingkahan dan pertelagahan seperti yang terdapat di negara lain yang mempunyai penduduk pelbagai kaum atau pelbagai agama," katanya.

Namun, masih ada sesetengah pihak yang tidak suka dengan perhubungan kaum yang aman dan harmoni yang wujud itu, katanya.

"Kerajaan telah dituduh kononnya tidak Islam oleh parti politik tertentu dengan tujuan menimbulkan kebencian di kalangan orang Islam terhadap kerajaan dan terhadap sikap toleransi dan adilnya kepada rakyat semua bangsa dan agama," kata Perdana Menteri.

Golongan itu telah menyebarkan sikap keagamaan yang melampau dan bertentangan dengan ajaran sebenar Islam, yang dengan itu membawa kepada satu percubaan untuk menggulingkan kerajaan secara kekerasan, kata Dr

Mahathir.

Dr Mahathir berkata perasaan benci itu masih disemai oleh golongan yang bertujuan untuk mendapat sokongan bagi parti mereka dengan apa cara sekali pun, dan pengalaman ini merupakan sebahagian daripada sejarah terbaru Malaysia yang perlu diketahui dan dipelajari oleh rakyat.

Terdapat juga usaha oleh pihak asing melalui media yang dikawali mereka untuk menggalakkan ketegangan antara kaum dan antara agama, kata beliau.

"Mereka memperjuangkan demokrasi sebagai sesuatu yang muktamad. Jika demokrasi itu membawa kepada keganasan dan kemusnahan terhadap sebuah masyarakat yang sepatutnya stabil dan makmur, itu tidak mengapa," katanya.

Dr Mahathir berkata sejarah telah menunjukkan bahawa pelbagai bentuk dan konsep kerajaan -- feudalisme, republikanisme, sosialisme, komunisme dan kediktatoran -- yang pernah didukung sebagai penyelesaian masalah, telah didapati bersifat opresif dan terpaksa diketepikan.

Hal yang sama juga berlaku hari ini dengan demokrasi, kata Dr Mahathir.

"Apa yang dipentingkan bukanlah hasil yang baik yang sepatutnya dibawa oleh demokrasi itu. Asalkan sahaja ia demokrasi atau segala yang dilakukan atas nama demokrasi, itulah yang dipentingkan," katanya.

Akibatnya banyak negara menjadi huru-hara dan tidak dapat maju kerana dalam banyak hal demokrasi telah merosakkan kemampuan sesebuah kerajaan untuk menjaga ketenteraman dan mencapai kemajuan, katanya.

Namun begitu dunia masih menerima demokrasi sebagai satu-satunya sistem berkerajaan dan menanggung pelbagai bentuk kerumitan yang ditumbulkannya, kata Perdana Menteri.

"Tidakkah mungkin bahawa sebagaimana juga dengan sistem lain, demokrasi juga suatu hari nanti akan dianggap sebagai penyebab kepada pelbagai masalah dan kekacauan yang timbul; bahawa ia akan dicela dan akhirnya akan diketepikan?" tanya Dr Mahathir.

"Jika demokrasi menjadi ekstrim dan opresif akibat penyalahgunaan atas nama demokrasi itu sendiri, maka ia bermakna kita tidak mempelajari apa-apa iktibar daripada masa lepas kita.

"Ini kerana kita menjadi begitu taksud dengan demokrasi sehinggga kita enggan mengakui dan menghentikan perbuatan menyalahgunakannya yang sedang merosakkan cita-cita asal yang menyebabkan kita mengamalkan sistem itu," kata Dr Mahathir.

Kira-kira 200 cendekiawan dan sejarawan menghadiri persidangan selama lima hari itu.

-- BERNAMA

HAK RYN NMO